

Hujan Lebat Tidak Halang Lebih 50,000 Orang Mengunjungi RTC Gopeng

IPOH, 18 Feb (Bernama) -- Hujan lebat yang turun sejak pukul 3 petang tidak menghalang lebih 50,000 orang mengunjungi Pusat Transformasi Luar Bandar di Gopeng di sini yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Orang ramai yang datang mengambil peluang untuk mendapatkan khidmat daripada 337 kaunter serta gerai yang dibuka oleh agensi kerajaan, pihak swasta, peniaga Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di samping gerai makanan dan minuman.

Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Datuk Seri Shafie Apdal ketika ditemui pemberita pada majlis perasmian itu berkata RTC merupakan suatu pendekatan yang cukup lengkap dan diyakini dapat membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

"Saya optimis menerusi usaha dan pendekatan ini, hasil pendapatan masyarakat desa akan meningkat," kata Shafie yang juga Pengerusi Jawatankuasa Transformasi Luar Bandar.

Selain itu, katanya RTC yang merupakan pusat pengumpulan dan pemasaran hasil dan produk pertanian dari luar bandar dan pada masa yang sama turut menempatkan pejabat agensi kerajaan dan institusi kewangan.